

SEJARAH PENANAMAN PADI DI KEDAH

Oleh
Mohd Kasri b. Saidon

Pengenalan

Padi merupakan tanaman yang paling banyak ditanam di Kedah. Malah Kedah sendiri begitu sinonim dengan hasil padi. Gelaran “Jelapang Padi Malaysia“ atau “*The Rice Bowl*” sememangnya telah dikenali umum. Namun begitu ramai yang tidak mengambil kisah tentang asal-usul penanaman tumbuhan ini. Apatah lagi apabila persoalan padi adalah sesuatu yang terlalu biasa bagi masyarakat Malaysia yang menjadikan beras sebagai hidangan harian.

Ramai juga yang tidak mengambil kisah, tidak menyedari atau tidak tahu sama sekali akan banyaknya elemen padi pada lambang-lambang penting di Kedah. Lambang kerajaan Kedah juga dibingkaikan dengan butiran padi mencukupi bilangan ro’kaat sembahyang dalam agama Islam. Ianya sebagai teras kekuatan insan yang kuat dengan kemasnya amalan sembahyang. Setem Kedah yang terawal juga bergambarkan pesawah membajak tanah . Malah sekolah terulung di Kedah, Kolej Sultan Abdul Hamid juga mempunyai lencana yang tergambar gemal padi melambangkan kemakmuran negeri Kedah yang berteraskan penanaman padi. (1)

Jika ditinjau dari awal penanamannya maka kita akan menemui jalan sukar untuk mendapatkan sebuah fakta yang tepat. Lebih-lebih lagi dalam membicarakan tentang penanaman tumbuhan ini di Malaysia amnya dan di Kedah khasnya. Tetapi membicarakan secara umum, padi telah mula dikesan sebagai sebahagian tanaman sara

diri (*staple*) ribuan tahun yang lalu dan ianya juga berlegar dengan mitosnya yang tersendiri.

Padi secara umumnya menjadi hidangan penduduk dunia, namun ianya lebih popular di Benua Asia. Pelbagai mitos disandarkan dalam persoalan padi ini. Di Indonesia, Thailand, Jepun dan Malaysia, padi dianggap mempunyai “roh wanita”. Padi dipercayai bercirikan wanita yang cantik, muda serta berkulit putih dan menarik. Di Bali, yang begitu sinonim dengan kepercayaan agama Hindu, padi dikaitkan dengan aspek ketuhanan Dewa Vishnu serta Indra. Berbeza dengan di China, ada mitos yang mengatakan padi berkait dengan episod kelaparan dan seekor anjing yang diekornya terdapat butiran benih padi. Apapun, peranan gender sering dilihat mempunyai persamaan dengan pihak lelaki membina tapak dan pengairan, manakala wanita menanam, menjaga dan menuai hasil. (2)

Dalam membicarakan sejarah penanaman padi di Kedah, mungkin bukti dari Thailand boleh disandarkan sebagai salah satu petunjuk. Padi dikesan berdasarkan bukti yang dijumpai di sebuah gua di Thailand, telah ditanam 6000 tahun yang lampau. (3) Ada juga pendapat yang menyatakan padi telah ditanam di Delta Yangtze, China sekitar 4000 tahun Sebelum Masihi. Kertas kerja ini tidak bertujuan untuk membicarakan tentang sejarah penanaman yang sebegitu awal, cukuplah sekadar mengatakan padi ditanam dan menjadi makanan di Asia Tenggara serta di Kedah sejak ribuan tahun yang silam.

Penanaman padi pada peringkat awal terbahagi kepada dua jenis iaitu padi sawah (basah) dan huma. Padi basah adalah padi sawah yang ditanam di kawasan tanah pamah dalam plot-plot tanah manakala padi huma pula ditanam dikawasan berbukit dan tidak memerlukan sokongan pengairan seperti padi sawah. Padi sawah banyak ditanam di kawasan delta Kedah yang berada menghadap Selat Melaka. Ianya menganjur dari pinggir daerah Kubang Pasu hingga ke selatan Kuala Muda. Gunung Jerai boleh dianggap sebagai penanda tengah kepada kedua-dua kawasan ini. Kawasan ini bertanah pamah, agak berselut dan dibantu dengan jalinan sungai-sungai asal. Terusan-terusan buatan manusia kemudiannya menjadikan kawasan ini lebih bernilai untuk sektor pertanian sebegini.

Padi huma pula lebih bertumpu kepada kawasan tengah Kedah dan menganjur ke bahagian tengah negeri. Ianya ditanam di kawasan berbukit seperti di Padang Terap, Sik dan Baling, jumlah keluasannya pula tidaklah seluas padi basah. Boleh dikatakan ianya bukanlah jenis padi yang popular apabila membicarakan tentang padi di Kedah. Tambah lagi ianya tidak disokong oleh sistem terusan yang kemudiannya turut menyumbang kepada perubahan pola penempatan serta sosial budaya penduduk.

Sejarah padi di Kedah boleh dilihat kepada empat pembahagian yang mudah yang bermula era silam ke awal pendudukan Jepun, semasa Jepun, selepas hingga merdeka dan dari merdeka hingga awal abad ke 21.

A. Dari Era Silam Hingga Awal Pendudukan Jepun.

Ada sumber seperti Sir Richard Winsted yang mengaitkan tanaman ini dengan kerajaan Langkasuka yang jauh lebih awal dengan kewujudan sejarah kerajaan Kedah sekarang. Kedah yang terjajah oleh kerajaan Hindu Srivijaya telah menerima pengaruh penanaman padi ini dari Jawa dan Siam yang dianggap lebih pakar dalam persoalan penanaman tumbuhan ini. (4)

Geografi Kedah yang bertanah pamah serta dihiasi dengan punca air dari sungai-sungai asal juga menjadikan pendapat ini sesuatu yang dapat diterima. Apatah lagi dengan kewujudan kerajaan purba Hindu di Lembah Bujang yang boleh dikaitkan juga dengan mitos Kedah “ Hikayat Merong Mahawangsa” yang juga berkisar di lokasi yang sama. Kawasan ini juga bertanah pamah dipinggiri Gunung Jerai dan disaliri oleh beberapa sungai-sungai asal. Penempatan tentunya menjadi strategik dengan aset seperti air dan tanah yang pamah serta subur.

Antara catatan terawal ialah dari Tom Pires seorang pelaut Portugis dalam tahun 1517 yang menyatakan tentang lokasi dari Beruas hingga ke Trang (Thailand) yang mempunyai hasil beras yang cukup untuk keperluan penduduknya. . Kemudiannya dengan lawatan padri Tallander dalam tahun 1709 yang juga menyebut tentang peranan sungai dan hasil padi di Kedah. (5)

Terdapat juga catatan tempatan seperti manuskrip lama zaman Sultan Abdullah Mukkaram Shah yang menyebut tentang pencukaaian yang dikenakan terhadap beberapa item termasuk padi yang dicukai 16 rial sekoyan dan beras sebanyak 30 rial sekoyan.(6).

Padi (beras) telah pun menjadi sebahagian dari komoditi dagangan semenjak abad ke 18 lagi. Urusan dagang antara pihak Kedah dengan Kapten Francis Light dalam tahun 1773 semasa beliau di Salang (Phuket sekarang) misalnya juga menyebut tentang permohonan Light untuk membeli beras. Permintaan itu tidak dapat ditunaikan oleh Kedah kerana mengikut Sultan ‘negeri baru lepas kesakitan lapar’ (7) .

Terus-terusan hasilan beras atau padi menjadi pengikat hubungan antara Kedah dengan pelbagai pihak luar . Apabila Inggeris telah bertapak di Pulau Pinang, bekalan beras juga bersandarkan belian dari Kedah. Terdapat sejenis surat dagangan yang dinamakan surat ‘chit’ digunakan semasa itu. Surat ini lebih kepada nota ringkas yang jauh dari format surat biasa zaman tersebut yang penuh dengan puji-pujian serta bahasa yang berbelit-belit.

“ ...surat sahabat beta dibawa Nakhoda Babu itu sampailah pada beta tersebut dalamnya ayam tiga ratus sampai kepada beta sembilan puluh dan beras seribu gantang..” (8)

Disini telah wujud persoalan dikalangan para sarjana tempatan tentang kedudukan padi dan masyarakat dari sudut ekonomi. Ada pandangan yang mengatakan ekonomi semasa era tersebut adalah separa sara diri. J.M.Gullick lebih melihat ekonomi masyarakat Kedah abad ke 19 semasa sebelum penjajahan lebih kepada separa sara-diri. Penduduk menanam, menggunakan hasilan padi untuk kegunaan padi serta menjual sebahagiannya

untuk mendapatkan barangan lain. (9) Ada juga sarjana lain seperti Sharom Amat dan Lim Teck Ghee yang melihat ekonomi penduduk adalah berbentuk sara-diri sepenuhnya. Bagi mereka ekonomi ketika itu masih berciri tradisional berskala kecil dan tertutup serta daya pengeluaran yang rendah. (10)

Namun jika dilihat dari rekod serta catatan pelbagai pihak sama ada di pihak Kedah atau pedagang luar, jelas hasil padi telah pun menjadi komoditi dagangan. Ianya semakin berkembang dari masa ke semasa. Apabila Pulau Pinang diduduki Inggeris dan penduduk di sana bertambah, permintaan padi (beras) makin bertambah. Beras Kedah dianggap elok dan berkualiti berbanding beras dari Benggala. Pada awal abad ke 19 ianya diniagakan dengan harga \$ 1.00 untuk lapan ke dua belas gantang. Jumlah dagangan beras Kedah dan Pulau Pinang dalam tahun 1864 misalnya bernilai \$10,000. Ianya satu jumlah yang besar jika dilihat dari sudut nilai wang dan daya pengeluaran semasa itu. (11)

Dilihat Kedah mula mengubah polanya yang dianggap pasif dan berciri tradisi dalam penghasilan padi kepada lebih berbentuk 'komersil'. Perkembangan Pulau Pinang dengan sebagai pengkalan Inggeris, pertambahan penduduk, permodalan serta penambahbaikan pengurusan dalam negeri sendiri telah memberi impak positif dalam sektor ini.

Pembinaan Terusan

Pembinaan terusan atau jaringan sistem pengairan dilihat sebagai teras kepada perkembangan postif sektor ini. Pada awalnya tanaman padi hanya bergantung kepada sokongan sungai asal seperti aliaran sungai Kedah dan sungai Muda. Dari dua sungai besar ini berpecah jaringan anak-anak sungai kecil yang digunakan petani untuk mendapatkan sumber air untuk persawahan dan juga sebagai medium perhubungan. Begitu pun Kedah ratusan tahun silam masih lagi penuh dengan kawasan tanah yang tidak dapat diairi, berpayau masam dan berhutan gelam. Contohnya seperti kawasan Pengkalan Kundor, Ayer Hitam dan Tokai. (12)

Pengurusan kerajaan yang baik telah mengubah situasi ini. Kedah sejak dari zaman berzaman berhubung rapat dengan Siam (Thailand) dan mempunyai sejarah yang panjang sama ada sebagai sahabat atau musuh. Lokaliti Siam yang terkenal dengan tanaman padi dan mempunyai saluran yang baik juga sedikit sebanyak diikuti Kedah. Kedah mula mengorak langkah kepada modenisasi bermula seawal pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin sekitar tahun 1854. Kedah mula mengalakkan pedagang Cina dan India membuka niaga di bandar-bandar utama dalam negeri seperti di Kota Setar dan Kota Kuala Muda. Begitu jua dengan penubuhan pasukan polis serta limbungan kapal. (13).

Tindakan Sultan Ahmad Tajuddin juga dapat dilihat sebagai satu plan pemulihan negeri apabila Kedah dirundung peperangan yang lama semasa pemerintahan ayahanda baginda Sultan Zainal Rashid dengan musuh luar seperti Siam untuk tempoh yang lama. Dato James Augustine seorang pengkaji sejarah Kedah menyebut sebagai “Empat Puluh Tahun

Berdarah”. Alor Setar hampir dilitupi hutan dan pemulihan dijalankan tanpa sebarang asas. (14)

Lawatan kerja baginda ke Siam juga membawa kepada pembinaan terusan-terusan untuk tujuan pertanian. Lawatan baginda bersama Perdana Menteri Kedah, Wan Muhammad Saman dalam tahun 1865 misalnya telah memberikan ilmu yang menarik kearah kemajuan negeri. Di era pemerintahan Sultan Abdul Hamid dalam tahun 1885 Wan Muhammad Samad berhasil membina terusan sejauh 22 batu dari tebing sungai Kedah ke kaki Gunung Jerai . Kerja pembinaan yang dijalankan secara manual ini dianggarkan bernilai \$35,000. Para pekerja adalah terdiri dari rakyat yang diarah secara ‘kerah’ dan buruh upahan Cina. Bantuan penyeliaan dan teknikal adalah dari dua pegawai Siam serta tiga pegawai Kedah iaitu Encik Embi, Hj.Kechik dan Fakaruddin. (15)

Pembinaan terusan ini juga telah memungkin kawasan Pengkalan Kundur dan memanjang hingga pinggir Gunung Jerai dimajukan. Penduduk mula mendiami kawasan tersebut dan akhirnya menjadikan ianya ‘delta sawah’. Kejayaan Wan Muhammad Saman kemudiannya ikuti oleh para pentadbir tempatan dan pemodal elit. Tunku Yaakop kemudiannya membina terusan Alor Changlih iaitu dari Jitra ke Jerlun dalam tahun 1890. Jaringan ini makin menarik dalam tahun 1895 dengan usaha Wan Yahya seorang pentadbir tempatan yang membina dari Kodiang ke Kuala Sanglang. (sempadan Kedah-Perlis sekarang). (16)

Bagi jalinan ini telah mengubah pola penempatan penduduk dari kawasan yang agak ketengah seperti di Binjal, Ason dan Changlun untuk membuka hutan gelam dan menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan persawahan.

Di arah selatan ianya mula berkembang dengan menjadikan terusan Wan Muhammad Saman sebagai teras. Wan Yunus membina terusan dari Sungai Dulang ke ulu Sedaka. Syed Osman pula menemukan sungai Yan Kecil dengan terusan Wan Muhammad Saman. Seterusnya aktiviti pertanian kawasan tersebut menjadi semakin rancak. (17)

Pada penghujung abad ke 19, dengan pembinaan terusan, kedatangan pedagang menjadikan Kedah kembali stabil dan mempunyai prospek yang baik khasnya dalam penanaman padi. Padri Kristian bernama Page dari Perancis melawat Kedah dalam tahun 1883 menyatakan ;

“ Selepas bergerak sejauh empat batu , kami tiba di sebuah dataran sawah padi yang amat luas. Di sana-sini terdapat kelompok pepohon yang memecah kebosanan disitu dan di kejauhan, berdiri rangkaian gunung-ganang yang membentuk latar belakang lanskap tersebut dan ini merupakan pemandangan yang paling cantik yang pernah kami saksikan” (18)

Jelas dalam tahun-tahun yang aman sebegini persawahan kembali menjadi meriah, apatah lagi apabila wujud keamanan, pentadbiran dan sokongan teknikal seperti pengairan yang baik.

Kerah dan Bantuan Modal

Penanaman padi di Kedah di era silam khususnya sebelum campurtangan British berkait rapat dengan sistem sosial masyarakatnya. Kerajaan masih lagi seratus peratus feudal yang meletakkan kelompok hirarki atas menguasai di bawah. Para pembesar hingga ke penghulu kampung mempunyai kuasa yang dipanggil 'kerah'. Ianya adalah satu bentuk arahan rasmi bagi para pentadbir tempatan untuk menyuruh hamba rakyat melakukan kerja buruh untuk kepentingan kerajaan.

Di Kedah, banyak kerja yang mungkin dapat ditermakan sebagai 'projek kerajaan' dijalankan dengan arahan 'kerah'. Contohnya pembinaan terusan-terusan dan penambakan jalan utama dari Alor Setar ke Sadao. Namun yang terjadi ada juga pemerintah yang menyalahgunakan "kerah" untuk tujuan peribadi. Dalam tahun 1859 misalnya, akhbar dari Singapura melaporkan tentang salahguna kuasa salah seorang kerabat Kedah untuk membersihkan tanah dan menuai padi. Kerabat tersebut memiliki seluas 400 relung sawah.(19)

Permodalan juga berkait dengan prihal hamba berhutang. Ianya merupakan satu situasi di mana seseorang yang memerlukan bantuan kewangan akan membuat hutang dengan kelompok elit seperti pembesar. Hutang diberikan dengan bunga yang tinggi serta tempoh bayaran yang singkat. Kegagalan melunaskan hutang menjadikan sipemiutang sebagai 'hamba berhutang'. Maka si pemberi hutang akan mendapat tenaga kerja murah bagi mereka. Malah jumlah ramainya hamba dan pengikut juga melambangkan kedudukan seorang pembesar. (20)

Wujud juga pemodal luar yang mendapatkan peluang menguasai sektor ini melalui sistem 'pajak'. Secara tidak langsung hasil padi menjadi dagangan 'komersil' dan petani juga terlibat dengan kaedah berhutang yang diberikan pemodal tersebut. (21)

Keamanan dan Pertambahan Penduduk

Kedah kembali aman apabila kembalinya Sultan Ahmad Tajuddin ke atas takhta, lebih sempurna lagi di zaman anakanda baginda, Sultan Abdul Hamid di penghujung abad ke 19. Persediaan negeri yang baik dan potensi yang luas ini telah mengundang ribuan imigran luar untuk sama-sama menetap dan akhirnya ramai yang terus menjadi rakyat Kedah. Perlu difahami bahawa sebelum terlibatan British di Kedah soal batasan sempadan atau isu kerakyatan bukanlah suatu yang menjadi keutamaan. Proses perpindahan adalah biasa tanpa banyak urusan birokrasi. Penduduk di selatan Siam berulang-alik ke Kedah atas pelbagai alasan. Pembahagian sempadan hanya jelas apabila berlaku perpindahan naungan antara Inggeris dan Siam dalam tahun 1909.

Perpindahan sebenarnya telah bermula dari awal lagi, seawal era Perang Jawa tahun 1830an telah ramai imigran dari kawasan tersebut yang masuk ke Kedah. Kebanjiran orang-orang Aceh juga berlaku lebih awal memandangkan jarak yang tidak begitu jauh antara Aceh dan Kedah. Mereka merantau ke daerah Langkawi, Kuala Muda dan Kota Setar sendiri. (22)

Mengikut Abdul Majid Hussin penghijrahan berlaku dimasa peperangan Aceh dengan Belanda. Perperangan tersebut berlangsung dalam tempoh selama 35 tahun dan hanya

berakhir dengan Aceh ditawan Belanda. Tidak tahan dengan hidup dibawah Belanda, masyarakat Aceh terutamanya golongan ulamak berpindah ke Tanah Melayu. Penghijrahan berlaku dari tahun 1900 sehingga 1915, di Yan mereka mendiami kawasan tersebut disebabkan berdekatan punca air Gunung Jerai serta berdekatan dengan sawah.(23)

Begitu juga dengan kehadiran warga selatan Siam seperti Setul, Yala, Reman, Tiba dan Patani yang berhijrah masuk atas alasan persaudaraan dan tujuan ekonomi. Apabila tercetus masalah politik di Patani lebih ramai yang membanjiri Kedah untuk mencari perlindungan dan terusnya menetap. Pembinaan terusan yang mempunyai prospek baik juga telah mengundang penghijrahan dalaman dari daerah berdekatan seperti Padang Terap, Baling, Sik dan Kulim. (24)

Suasana yang aman telah menampakkan perubahan ketara pada jumlah penduduk, sekitar peperangan dengan Siam (1821-1842) penduduk hanya 21,000 orang. Situasi aman telah menyebabkan ianya bertambah menjadi 50,000 dan apabila Sultan Ahmad Tajuddin kembali memegang kerajaan penduduk adalah sekitar 140,000 orang. Jumlah ini terus meningkat menjadi 219,000 orang dalam tahun 1900 . (25)

Pertambahan penduduk juga menyebabkan berlakunya pertambahan kawasan pertanian untuk ditanam tanaman sara diri. Maka makin banyaklah tanah baru dibuka, kuasa kerah serta faedah dari ‘ampun kurnia’ yang diterima dari pihak istana menyaksikan kelompok elit mula memiliki jumlah tanah yang banyak. Pada tahun 1911, seluas 106,000 ekar

tanah di lembah Kedah berjaya diteroka dan ianya meningkat kepada 220,000 lapan tahun berikutnya. (26)

Di Bawah British

Penglibatan British bermula dengan kehadiran W.G.Maxwell sebagai Penasihat British yang pertama dalam tahun 1909. Kehadirannya pada peringkat awal menampakkan ketidakselesaan bagi kelompok elit tempatan Kedah yang telah biasa dengan adat dan peraturan yang biasa dipakai. Tempoh dua tahun barulah Maxwell dapat dilihat boleh diterima dalam peranannya di kalangan elit Kedah. (27). Maxwell sendiri dilihat amat setuju dengan kedudukan Kedah sebagai pengeluar padi, seperti yang disebut dalam laporannya untuk tahun 1913,

“ selagi nasi dimakan di benua Asia , padi akan tetap menjadi tanaman asasi Kedah ”

(28)

Dilihat British lebih merasa selesa dengan membiarkan sosio-ekonomi masyarakat tidak diganggu. Orang Melayu dibiarkan selesa dengan pertanian, Cina disektor perniagaan dan India terus di ladang. Bagi Kedah, diperkemaskan syarat tanah sawah hanya untuk tanaman padi. Penukaran syarat ini akan menghadapi proses yang sukar dan memakan masa. Cukai tanah untuk tanaman padi adalah lebih murah berbanding tanaman getah. Sokongan teknologi dibuat dengan pembinaan tali air dan perparitan yang membawa kepada penubuhan sebuah jabatan dalam tahun 1930an kemudiannya. Langkah positif ini kemudiannya membolehkan proses tebusguna tanah paya dibuat terutamanya di tengah Kubang Pasu. (29) Hasilnya pengeluaran padi meningkat dari 73 466 000 gantang dalam tahun 1931 ke 94 020 360 di tahun 1934. (30)

Pemerosesan padi mula berkembang dengan kehadiran pemodal Cina yang membuka kilang padi di Kedah. Sebelum ini padi diproses secara tradisi atau dihantar ke Pulau Pinang untuk diproses di kilang berjentera wap. Perubahan teknologi moden dari tradisi ini sedikit sebanyak menimbulkan juga percanggahan pendapat. Namun ada pendapat juga di waktu itu yang menyatakan proses pengilangan tersebut akan menghilangkan nilai vitamin B yang mengandungi khasiat melawan penyakit Beri-Beri yang pada suatu ketika menjadi ancaman di India. (31)

Akan tetapi arus kemodenan tidak dapat disekat. Situasi ekonomi yang memberansangkan ini menyaksikan kehadiran kilang serta agen-agen pembeli padi yang ramai di Kedah. Dalam tahun 1931, terdapat 21 buah kilang penguasaha Cina di Kedah dimana 15 buah terletak di Alor Setar. (32)

Perkembangan penanaman ini juga berterusan dengan pembukaan lebih banyak kilang padi. Berdasarkan rekod Setiausaha Kerajaan Kedah (SUK) dalam tahun 1938 terdapat sebanyak 36 buah kilang, dengan 17 buah darinya berada di Kota Setar. Kawasan Baling dan Kuala Muda masih lagi mempunyai jumlah kilang yang sedikit. (33).

Kawasan padi sawah atau padi basah (*Wet Padi*) semestinya menguasai keluasan dan hasilan padi di Kedah berbanding padi huma (*Dry Padi*). Sepanjang tahun 1937-38 seluas 346,056 relong tanah sawah ditanam dengan padi sawah dan hanya 2,153 relong diusahakan dengan padi huma. (34) Bagi kawasan padi huma, daerah Padang Terap

mencatatkan kawasan usaha huma terbesar dengan 674 relong. Daerah Baling berada di tempat kedua dengan 615 relong ditanam. Dalam banciaan tahun tersebut (1937-38) jumlah keluasan keseluruhan bagi padi huma ialah 2153 relong (1529 ekar). (35) Terdapat juga sedikit peningkatan di akhir tahun 1939 dengan keluasan tanaman huma naik kepada 2818 relong. (36)

Walaupun penghasilan padi meningkat namun Kedah masih lagi mengimport bekalan beras untuk kegunaan dalam negeri. Dalam tahun 1938 misalnya Kedah masih mengimport 252 tan beras. Seluruh Tanah Melayu memerlukan tambahan beras kecuali Perlis, negeri-negeri Melayu Bersekutu (*Federated Malays States*) paling banyak mengimport bekalan beras dengan keperluan mencecah 18,460 tan. (37)

Proses berhutang terus-terusan berlaku dikalangan penduduk Kedah yang bertanam padi. Petani berhutang dengan pemilik kilang padi dan terikat pula dengan perjanjian pembelian padi di kilang tersebut. Terma yang popular di kala itu ialah berhutang 'Padi Kunca'. Dalam rekod SUK terdapat memorandum yang dihantar tentang penglibatan kilang-kilang padi dan fenomena berhutang secara 'Padi Kunca'. (38)

British dilihat tidak banyak membantu dalam persoalan ini, selain dari menyumbang kepada saluran. Terdapat juga bantuan modal yang dikeluarkan kerajaan namun ianya tidak begitu berjaya mengubah keadaan. Masalah modal menjadi lebih kompleks dengan sikap tempatan Melayu Kedah yang berhutang dengan ceti-ceti. Sebuah kilang dibina di

Anak Bukit oleh pihak kerajaan semenjak tahun 1921, kajian ini lebih melihat ianya sebagai stor makanan bagi pihak British jika berlaku peperangan di Tanah Melayu. (39)

Akan tetapi terdapat usaha yang menarik dilakukan Jabatan Pertanian Kedah yang dipimpin oleh Tunku Yaakop dalam tahun-tahun sebelum pendudukan Jepun. Pentadbiran hal ehwal pertanian ditadbirkan dengan baik, setiap daerah akan diketuai oleh seorang berjawatan Pembantu Pegawai Pertanian. Sekolah pertanian seperti di Gajah Mati dan Telok Chengai berfungsi dengan baik. Pelbagai kajian terutamanya tentang benih dan penyakit padi dijalankan.

Dalam tahun 1938 misalnya berlaku banjir yang besar yang mengganggu proses tanaman seluas 2000 relong disekitar Sanglang dan Jerlun. Penyakit padi yang dinamakan 'Kisar' mula menjadi ancaman dalam masa tersebut. Beberapa kawasan tanaman percubaan diperkenalkan seperti di Jitra, Langgar dan Langkawi dengan usaha benih baru. Antara benih yang popular sebelum Perangan Dunia Ke II ialah Siam 29, Subang Intan, Radin China, Mayang Ebus, Anak Kucing dan To'Seman. (40)

B. Pendudukan Jepun

British sebenarnya telah meramalkan akan kekacauan atau peperangan yang bakal muncul dengan persediaan bekalan makanan. Sebuah kilang didirikan di Anak Bukit telah dijadikan stor untuk bekalan besar yang besar. Stok beras mula disimpan dengan giat bermula tahun 1940. Beras disimpan dengan campuran kapur supaya ianya tidak

mudah rosak. Namun bekalan itu jelas dinikmati pihak Jepun selepas pengunduran tentera British. (41)

Sepertimana yang umum sedia maklum seluruh Tanah Melayu mengalami krisis makanan semasa pendudukan Jepun. Kelaparan dan kekurangan pakaian mula dirasakan hari demi hari. Kedah lebih bernasib kerana jumlah sawah yang luas dan bekalan padi yang masih ada. Namun begitu keadaan menjadi tidak begitu baik di hujung-hujung pendudukan Jepun dan sedikit semasa Kedah di bawah Siam.

Jabatan Pertanian dikenali sebagai ‘Nomu-ka’ yang ketua eksekutifnya Tunku Yaakop. . Jepun amat menekankan pengeluaran bekalan makanan keperingkat optima. Tujuan utama ialah supaya situasi negeri terkawal dari kekurangan makanan serta menyediakan bekalan untuk perluasan kuasa mereka ke Burma dan seterusnya ke India. Langkah yang utama ialah menjadikan beras sebagai barangan kawalan. Seorang ahli sejarah Paul H. Kratoska menegaskan;

“Beras diletakkan sebagai barang kawalan di bawah pentadbiran Jepun. Semua beras dikumpul diuruskan oleh kerajaan atau ejen, semua simpanan beras perlu diisytiharkan dan import eksport beras hanya dibolehkan dengan kebenaran Bahagian Perdagangan dan Industri. Catuan beras dijalankan sejak awal pendudukan walaupun sesetengah kawasan pertanian tidak melaksanakan sistem catuan untuk memaksa penduduk menanam padi; jualan beras tempatan pada mulanya dikendalikan oleh Persatuan Pengedar Beras dan kemudian oleh Pejabat Kawalan Makanan.” (42)

Jepun cuba untuk memastikan pengeluaran padi meningkat dengan membenarkan ladang getah ditanam padi. Pentadbir tempatan seperti Pegawai Daerah dan Penghulu digesa

supaya memastikan para penduduk mengusahakan sawah. Penguatkuasaan seperti ‘Mata-Mata Padi’ diwujudkan. (43)

Jenis padi yang dikatakan mampu memberi hasil dalam jangkamasa yang singkat diperkenalkan. Padi dirancang untuk ditanam dua kali setahun, propaganda dibuat untuk tujuan tersebut. Ianya tidak berjaya kerana menanam dua kali setahun telah mengubah kebiasaan tradisi penduduk. Malang ianya juga terhalang dengan ancaman serangga perosak, penyakit dan bencana alam. (44).

Lebih menarik Jepun juga mengalakkan kakitangan kerajaan untuk bertanam padi di sawah sekitar Alor Setar. (45)Wujud juga monopoli dalam urusan pembelian padi serta urusan kilang padi. Syarikat pegangan Jepun iaitu Daimaru dan Mitsubishi Shi Shoji. (46) Strategi Jepun tidak banyak memberikan hasil, tekanan demi tekanan menjadikan penghidupan rakyat semakin sukar. Penghijrahan turut berlaku, perubahan pekerjaan dari sektor perladangan getah ke persawahan padi juga tidak dapat dielakkan. Apabila Kedah diserahkan kepada Siam situasi juga tidak banyak membantu, Siam juga dirundung masalah kerana sekatan ekonomi, pembekuan simpanan wang diluar negara dan nilai Bath yang semakin merosot. (47)

Siam memberikan sedikit ruang kepada Kedah untuk melakukan pentadbiran negeri. Begitu pun ianya sering bercanggah dengan kepentingan Jepun yang masih berperanan di Kedah. Perjanjian dibuat antara kerajaan Kedah dan Jepun kemudiannya yang dilihat masih menguntungkan Jepun. Jepun masih berpeluang menguasai 65% dari pembelian padi di Kedah. (48)

Petani telah hilang minat untuk terus bersawah telah menentang secara pasif, tambah lagi aspek halangan seperti penyakit, serangga dan bencana serta tekanan pemerintah Jepun menjadikan usaha meningkatkan hasil padi sesuatu yang gagal. Jepun pada hujung pendudukan mereka juga telah mula menghadapi episod kekalahan. (49)

C. Tamat Perang, Darurat dan Merdeka.

Apabila tamat pendudukan Jepun, Tanah Melayu kembali ditadbirkan British. Keamanan hanya berada pada tahap yang singkat sebelum kembali digugat oleh gangguan Komunis. Kedah seperti juga negeri lain tidak terlepas dari diganggu serangan musuh. Dalam persoalan sejarah penanaman padi, ianya terus berlangsung seperti sediakala. Sawah di sekitar lembah Kedah yang banyak bertumpu di pinggir pantai barat mengadap Selat Melaka terus ditanam padi.

Gangguan hanya banyak bertumpu di lokasi pedalaman seperti bahagian barat Kubang Pasu, Padang Terap, Kulim, Bandar Baharu dan Baling. Kawasan sebegini bergeografikan bukit-bukau dan hampir dengan sempadan Thailand. Kawasan begini tidaklah mempunyai jumlah padi sawah yang luas dan banyak ditanam dengan getah. Bagi Kota Setar hanya diusik sedikit di kawasan menghala ke Pokok Sena dan Naka. Daerah Pendang dan Kuala Muda juga menghadapi ancaman yang tidaklah sebesar ancaman di Kulim. Langkawi pula boleh dikatakan aman dari ancaman pihak Komunis. (50)

Beberapa kawasan sawah seperti di Pendang, Naka dan sedikit di Kota Setar terganggu dengan gangguan Komunis yang menyelip masuk dan mengganggu penduduk. Perintah

kerajaan dikeluarkan supaya penduduk berpindah sama ada atas perintah *Resettlement* atau *Regrouping* juga sedikit sebanyak mengganggu pendapatan rakyat yang bertumpu kepada kerja bersawah. Bagi yang berhuma mereka kerap bertani di kawasan berbukit tentunya lebih banyak yang terancam sama ada pendapatan malah nyawa sekalipun. Untungnya kawasan sawah Kedah tidak lama diancam Komunis. Sekitar tahun 1955 keadaan kembali menuju ke tahap aman dan penanaman padi terus berlangsung seperti biasa. (51)

Tetapi wujud juga beberapa masalah yang boleh dianggap kecil dalam masa darurat ini. Peranan orang tengah dilihat menjadi satu tekanan kepada para petani. Mereka membeli padi dengan harga yang murah dan menjadikan penghidupan rakyat agak terhimpit. Jesteru itu satu pakatan yang memperjuangkan nasib petani dibentuk oleh kelompok rakyat dengan nama Pakatan Kaum Tani di Tunjang, Jitra. Pakatan ini dipimpin oleh Syed Hamid al-Jafre. (52)

Langkah kerajaan yang menetapkan harga padi pada \$17 sepikul dan menurunkan kepada \$12 sepikul telah memberikan kesan buruk kepada hampir 5000 orang pesawah. Mereka melalui Persatuan Penanam-Penanam Padi Kedah telah mendesak kerajaan dan mengadakan perjumpaan dengan para petani di beberapa tempat termasuk Sungai Limau, Langgar, Kubang Menerung dan Tajar. (53)

Desakan mereka meliputi penambahbaikkkan dalam aspek pengairan, bantuan teknikal , bantuan kewangan dan cadangan harga padi kepada \$20 sepikul. Syor mereka

dipertimbangkan kerajaan dengan beberapa tindakan positif diambil yang akhirnya juga disyorkan penubuhan Lembaga Penanam-Penanam Padi. (54)

D. Era Merdeka Sehingga Kewujudan MADA

Selepas merdeka kerajaan sememangnya menjalankan pelbagai aktiviti untuk menambahbaik pendapatan rakyat. Pecahan penguasaan ekonomi negara dilihat tidak seimbang dengan orang Melayu sebagai bumiputera menjadi terkebelakang. Mengikut Affifudin Omar,

“ Sebelum Merdeka masyarakat Melayu hanya bertenggek di pinggir sistem ekonomi eksport bahan mentah seperti getah dan bijih timah. Masyarakat Melayu hanya mendapat sisa-sisa kekayaan ekonomi ini sahaja, sambil dapat terus hidup melalui ekonomi saradiri seperti menanam padi dan dusun.” (55)

Ianya berterusan sehinggalah berlakunya situasi konflik kaum yang hebat dengan peristiwa '13 Mei' dalam tahun 1969. Lantaran selesainya negara berada di bawah MAGERAN iaitu satu bentuk pentadbiran sementara, maka usaha dilakukan dengan terancang untuk mengatasi ketidakseimbangan dalam prospek ekonomi dan sosial penduduk.

Di Kedah, satu plan besar dalam menjana ekonomi masyarakat petani dibentuk. Rancangan Pengairan Muda dirancang dengan kos pembinaanya berjumlah \$238 juta. Ianya dijalankan dibawah peruntukan Rancangan Malaysia Pertama. Meliputi kawasan seluas 125,987 hektar, dari jumlah tersebut seluas 20,304 hektar berada di Perlis. Tujuan utama ialah mengurangkan pengantungan import beras dan menambah pendapatan kaum tani yang ketika itu mengusahakan sawah dengan keluasan 1.7 hektar sekeluarga. (56)

Pentadbiran pengairan ini diletakkan dibawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pertanian Muda (kemudian menjadi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) atau lebih dikenali sebagai MADA. Asal penubuhan adalah berasaskan Dekri Darurat pada 30 Jun 1970 diwartakan dengan Akta Parlimen No.7 , Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda. Dua matlamat utama ialah memajukan kesejahteraan penduduk dan lebihkan hasil keperluan negara. (57)

MADA juga mengadakan projek susulan yang dikenali sebagai Projek Muda II. Bersandarkan tujuan menambah pendapatan penduduk , tanaman padi dua kali setahun diperkenalkan. Kemudiannya mula dalam dekad 80an diperluaskan ‘sistem tabur terus’ yang lebih efektif dan ekonomik menggantikan sistem tanam secara lama. Ada kajian yang menunjukkan sistem tabur terus memberikan kematangan 11 hari lebih awal dari kaedah tradisi. Ianya juga dikatakan 27 lebih pantas dari kaedah lama tersebut. (58)

Dalam tahun 1975 seluas 88,600 hektar berjaya ditanam dengan kaedah dua kali setahun. Peruntukan demi peruntukan ditambah oleh pihak kerajaan, dalam tahun 1986 sejumlah \$60,059,395 diberikan kerajaan Persekutuan untuk MADA. Dari jumlah tersebut cabutan \$27,450,000 dibuat untuk program Muda II. (59)

Langkah kerajaan ini juga bertepatan dengan kedudukan komposisi ekonomi semasa (1975) pertanian menyumbang 30% kepada hasil produk domestik dan seramai 1.9 juta rakyat berada di sektor ini atau kalau mengikut populasi ianya merangkumi 56% penduduk. (60)

Dalam membicarakan tentang tanaman padi tidak dapat dilupakan tentang fenomena kemarau yang melanda Kedah dalam tahun 1978. Bekalan air yang tidak mencukupi telah memaksa penanaman padi tergendala selama satu musim. Namun dalam musim yang kedua dalam tahun yang sama hasilan kembali baik dengan jumlah pengeluaran 409,684 tan melebihi pada mata 300,000 tan pada tahun-tahun sebelumnya. (61) Bekalan air yang kurang juga dialami kemudiannya dalam tahun 1987 dan 1990, pengubahsuaian teknik menanam telah berjaya mengatasi masalah petani. (62)

Terdapat juga satu peristiwa yang mencalarkan kejernihan pelan kerajaan ini apabila terjadinya satu rusuhan di Wisma Negeri, Alor Setar dalam tahun 1980. Ianya diingati oleh masyarakat Kedah dengan panggilan 'Rusuhan Padi'. Kerajaan Persekutuan, Negeri dan agensi-agensi pertanian berjaya mengatasi permasalahan ini kemudiannya. Antara langkah yang diambil ialah bantuan subsidi kepada pesawah. Mulai Oktober tahun tersebut para pesawah diberikan subsidi sebanyak \$10 pada setiap 60.5 kilo padi yang dijual atau dalam kiraan lain sebanyak \$16.50 pada setiap 100 kilo. Kajian ini melibatkan bantuan subsidi ini memberikan impak yang besar dalam kehidupan para pesawah. Ianya juga bertepatan dengan tujuan skim subsidi ini yang cuba untuk meninggikan pendapatan para pesawah melebihi paras kemiskinan negara semasa itu sebanyak \$300 sebulan. (63)

Kajian ini juga mendapati peranan MADA bukan hanya sekadar menyediakan sokongan pengairan dan bantuan teknikal penanaman tetapi ianya sudah menjadi pusat pembangunan masyarakat setempat. Selain dari perihal padi MADA juga menyediakan program dalam pembangunan sosio kehidupan petani. Program jana pendapatan

diperluaskan dengan industri kecil seperti hasil makanan ringan, tanaman buah-buahan, belaan ikan air tawar, ternakan kambing dan pelbagai lagi. Malah aspek pembangunan ini dilangkaui hingga melibatkan pelajar sekolah dan menjadikan ianya pelan pembangunan masyarakat yang menyeluruh.

E. Sepintas Lalu Adat dan Tradisi Bersawah Di Waktu Silam

Penanaman padi bukan sekadar sebagai tanaman saradiri malah sudah menjadi sebahagian dari corak penghidupan masyarakat. Masyarakat pesawah di Kedah terkenal dengan adat budaya yang bersandarkan penghidupan di kawasan persawahan. Ianya merangkumi cara bersawah, makanan, bahasa lantaran hiburan sekalipun.

Adat bersawah berkait rapat dengan panduan musim, secara amnya musim pada para petani terbahagi kepada dua . Musim hujan bermula dari bulan Mei hingga Oktober, ianya dikenali sebagai ‘Musim Barat’. Musim kemarau pula bermula selalunya dari April hingga kadang kala menempuh bulan April. Musim ini dikenali sebagai ‘Musim Timur’ kerana angin datang dari arah timur. (64)

Dalam musim-musim ini terbahagi dua belas pecahan bulan yang dipanggil sebagai ‘Piama’. Ianya juga bersandarkan pemerhatian kepada pergerakan bintang di langit yang dikenali sebagai ‘Bintang Tujuh’ atau ‘Bintang Puyuh’. Ianya pula berada dalam kalendar tahun-tahun yang berbunyi semacam sebutan Siam seperti ‘Cut, Celu, Kan, Thok dan lain-lain. Juga dilibatkan hidupan lain seperti binatang dan tumbuhan sebagai penanda perubahan piama ini. (65)

Pemerhatian pada burung ‘Balai’ misalnya dapat memberi tanda tentang bermulanya musim kemarau dan tanda tamatnya musim bertanam padi. Perbuatan burung tersebut yang bermain debu dipetak sawah dan corak pemakanannya menjadi umpama kelendar kepada pesawah. Begitu juga dengan burung ‘Ruak-Ruak ‘ yang muncul diwaktu padi masak dan akhir piama bersawah. (66)

Tumbuhan juga diperhatikan, berbunga durian menandakan kemarau berada hampir di kemuncak. Begitu juga berbunganya ‘Gelenggang Besar’ juga membawa petanda sudah tamat masa bersawah. Keluar bunga ‘Machang’ sering bertepatan dengan masa untuk bertuai padi.

Ada juga sejenis hujan yang turun di hujung musim kemarau yang digelar orang disebelah Kubang Pasu yang juga bertanam getah sebagai ‘Hujan Luruh Daun Getah’. Hujan ini akan kembali disulami pada terik sebelum tibanya musim hujan. Pecaman orang tua-tua dahulu kala ketika itu daun getah akan luruh dengan banyak sebelum ianya kembali berputik. (67) . Bagi umumnya kawasan bersawah pula akan mengambil pecaman dari bunyi guruh di sebelah barat yang disebut ‘Guruh Pesan’ sebagai tanda musim barat bermula. (68)

Dari berpandukan piama ini, adat bersawah dilanjutkan dengan tatacara memajak tanah, memilih benih, bertanam sehingga menuai. Setiap satunya pada puluhan atau mungkin ratusan tahun dahulu diikuti dengan ritual yang tersendiri. Malah ada antara ritual tersebut yang dilihat agak bercanggah dengan agama Islam. Seperti persiapan menabur

benih misalnya yang dilibatkan penggunaan beberapa herba lain unmpama tradisi ‘menyintok limau’ membuang segala ‘geroh’ yang bakal timbul. Padi pula dikatakan bersemangat seorang ‘wanita’, mengambilnya perlu halus dan menyimpan padi di jelapang juga terdapat ritual seolah-olah melayan seorang wanita. (69)

Teknologi hanya berubah dengan kemodenan yang dibawa kerajaan melalui penglibatan agensi-agensi pertanian. MADA dilihat sebagai pemangkin kepada perubahan teknologi bersawah dengan pengenalan jentera bajak, jentera tuai, pam benih dan racun serta perubahan dari segi menanam dan menjaga padi. Puluhan tahun dahulu hanya bergantung kepada kekuatan kerbau, peralatan yang agak kuno serta kederat pesawah sendiri. Tenggala yang dibuat dari kayu ‘Halban’ serta dilengkapi dengan alat kerjanya seperti ‘bor, nanyam, sepak, kok dan pukang adalah teras persediaan dalam teknologi pesawah di kala silam. (70)

Perolehan padi akan disusuli pula dengan budaya yang tidak sedikit. Emping dibuat untuk dimakan bersama kelapa dan gula akan mula dibuat diawal musim padi mulai masak. ‘Halu Pulau’ adalah ungkapan yang disebut apabila kedengaran bunyi lesung menumbuk emping bertingkah-tingkah antara satu kampung dengan kampung yang lain. (71)

Ini dikuti dengan pesta menuai secara bergotong-royang yang dipanggil ‘Berderau’. Beras yang baru didapati akan digunakan untuk kenduri ‘Kenduri Beras Baru’, lauknya mungkin terlalu ringkas sekadar ikan darat yang diperolehi di sawah atau diregukan dengan keladi atau rias pisang menjadikan hidangan yang istimewa bagi para pesawah.

Tentunya hiburan juga mula mengambil tempat, wau dimainkan apabila angin timur mula bertiup. Wau Ikan, Jala Budi malah Wau Kemetek mainan kanak-kanak kecil mula dinaikan. Malam dihiasi dengan mainan Wayang Kulit atau ‘Wayang Gedek’ di Kedah. Selalunya di Kedah , wayang Tok Noh (bapa Pak Majid Wayang Kulit Ason) akan menjadi tumpuan. Di Kubang Pasu, persembahan tradisi seperti ‘‘Mek Mulong’ dan ‘‘Hadrh’ mula dimainkan, di Langkawi terkenal dengan ‘Jikey’.

Hasil padi juga menjadikan pesawah mempunyai pegangan wang. Kenduri kahwin pun bermula, hiburan malamnya dengan sambutan ‘Ghazal Parti’. Sejenis hiburan separa moden yang terdapat elemen lagu Timur Tengah. Yang uniknya penampilan penari yang terdiri dari lelaki lembut yang menjadi antara keunikan Ghazal Parti. Dalam tahun-tahun lewat 60an dan awal 70an pula kumpulan muzik moden berbentuk pancaragam begitu meriah disambut di majlis kahwin. Antara yang popular ialah dari Orkes Chandeni Batu 5 Sik, Sri Irama Band Simpang Empat Kangkong dan beberapa kumpulan dari selatan negeri Kedah. (72)

F. Kesimpulan

Padi merupakan makanan asasi yang telah sedia ditanam di Kedah dan seluruh Asia Tenggara semenjak ribuan tahun yang lampau. Sejarahinya adalah panjang yang berbaur dengan bukti-bukti arkeoloji dan cerita-cerita mitos. Kedah, telah pun menjadi negeri penanam, pengguna dan pernah sebagai pengeport padi sejak zaman berzaman.

Sebelum British berkuasa, Kedah menjadikan padi (beras) sebagai antara hasil negeri disamping timah, kayu-kayan dan beberapa hasil lain. Pertautan sejarah antara British dan Kedah juga ada yang melibatkan padi atau beras sebagai perantara mengikat. Pendudukan Kapten Light di Pulau Pinang memperlihatkan perkembangan pulau tersebut dan seterusnya menjadi pengimport padi (beras) dari Kedah.

Apabila berlaku serahan Kedah menjadi naungan kolonial tersebut, penanaman banyak bergantung kepada dasar-dasar yang ditentukan British. Padi berterusan ditanam dan menjadi lebih kepada separa saradiri dalam konteks ekonomi Kedah. Apabila Jepun menduduki Kedah, penanaman padi digiatkan bermotifkan mengelak kekurangan bahan tersebut dalam negeri dan seluruh Tanah Melayu. Kedah juga dilihat bakal menjadi 'periuk nasi' yang bukan hanya bagi penduduk Tanah Melayu malah bakal mengisi perut askar imperial Jepun dalam misi perluasan kuasa mereka. Rakyat yang tertekan dengan corak pemerintahan yang dijalankan tidak mampu serta hilang minat kearah peningkatan produktiviti. Serahan Kedah kepada Siam oleh Jepun juga tidak banyak menukar suasana.

Tamat perang, Kedah seperti juga negeri lain di Tanah Melayu terganggu dengan angkara Komunis. Perintah perpindahan seperti *Resettlement* dan *Regrouping* sedikit sebanyak membantutkan pemulihan hidup akibat pendudukan Jepun dan Siam. Namun di Kedah, suasana bergolak di kawasan persawahan akibat gangguan musuh ini tidaklah begitu lama.

Kedah kembali mengorak langkah yang lebih progresif dengan Rancangan Pengairan Muda (MADA). Usaha kerajaan melalui MADA ini bukan hanya sekadar menjana pendapatan yang lebih baik malah membawa aspek teknologi dan kemodenan dalam kerja bertani. Adat dan teknologi persawahan lama mula berubah dan petani mula menjadi apa yang dapat ditermakan sebagai ‘Petani Moden’. Rancangan bantuan Bank Dunia ini kemudiannya begitu berjaya menjadikan Kedah kekal sebagai ‘Jelapang Padi Malaysia’.

Nota Hujung

1. Lihat *Sultan Abdul Hamid College Dalam Kenangan*. Alor Setar : SAHOCA (Kuala Lumpur dan Selangor), 1981,hlm.58.
2. Terdapat pelbagai pandangan dan cerita tentang mitos ini, antara yang dapat disandarkan ialah Sumber Internet : www.p/b.ucdavis.
3. Layari sumber Internert : Rice History and Types of Rice.
4. Rujuk pandangan Dato James Augustine, *Kedah Zaman Silam*, Muzium Negeri Kedah: 1996, hlm, 128.
5. *Ibid*.
6. Lihat kertas kerja Dato Dr. Wan Shamshudin Mohd Yusuf ,” Perdagangan Kedah Sehingga Abad Ke 19” di Majlis Polimek Sejarah Malaysia , Arkib Negara Malaysia , Cawangan Kedah/Perlis pada 9 Mei 2006.
7. *Ibid*.
8. *Ibid*.
9. Rujuk Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah dan Perlis-Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, hlm,37.
10. *Ibid*, hlm.36.
11. *Ibid*. hlm.37.
12. Mengikut cerita orang tua-tua nama “Tokai” adalah membawa ertikata ‘cuba’ dalam loghat Kedah lama. Kawasan tersebut dahulunya dipenuhi paya mengkuang yang sukar diusahakan sawah. Penghijrahan berlaku dari pelbagai daerah ke kawasan tersebut ada antaranya dari Kubang Pasu.
13. Lihat kumpulan artikel Dato Ismail Salleh , *Tak Sesungguhnya Seluang Melaut*, terbitan Majlis Kebudayaan Negeri Kedah,1999, hlm.108.
14. Dato James Augustine, *op.cit*, hlm.78.
15. Dato Ismail Salleh ,*op.cit*, hlm.110.
16. Lihat juga kertas kerja Mohd Rashid Mohammad”Sistem Parit, Taliair dan Sungai Di Negeri Kedah”, Laporan Penyelidikan Proses Pembinaan Tamaddun Malaysia, Universiti Sains Malaysia , 1988/89.

17. *Ibid.*
18. Dato James Augustine, *op.cit*, hlm.102.
19. Mohd Isa Othman, *op.cit*, hlm.44.
20. *Ibid*, hlm.45.
21. *Ibid*, hlm.38.
22. Kelompok orang Aceh telah berhijrah ke Langkawi adalah antara imigran dari Indonesia yang paling ramai. Hingga kini keturunan mereka masih lagi ramai dan dahulunya mereka terkenal dengan tanaman lada.
23. Rujuk tulisan Abdul Majid Hussin, “Orang Aceh Di Yan, Kedah; Satu Tinjauan Umum” dalam jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, *Malaysia Dari Segi Sejarah*. No.9,1980.
24. Lihat juga tulisan kertas kerja Dr. Badriyah Hj Salleh, “ Sejarah Ekonomi Kedah Sehingga Kurun Ke 19” di Majlis Polemik Sejarah Malaysia, Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis pada 9 Mei 2006.
25. *Ibid.*
26. Mohd Isa Othman, *op.cit*, hlm.50.
27. Dato James Augustine *op.cit*, hlm.105.
28. *Ibid*, hlm.128.
29. Mohd Isa Othman, *op.cit*, hlm.64.
30. *Ibid*, hlm.65.
31. SUK 3381/1357.
32. Mohd Isa Othman ,*op.cit*. hlm.66.
33. SUK 3381/1357.
34. SUK 1196/1357.
35. *Ibid.*
36. SUK 1156/1358.

37. SUK 3876/1357.
38. SUK 3381/1957.
39. Mohd Isa Othman ,*op.cit*, hlm.66
40. SUK 569/1358
41. Dato James Augustine,*op.cit*, hlm.180.
42. Dipetik dari Mohd Isa Othman, *Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu, Tumpuan Di Negeri Kedah,1942-45*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,hlm.87.
43. *Ibid*, hlm.87 dan SUK (Jepun) 96/2602.
44. *Ibid*, hlm.88.
45. Dato James Augustine, *op.cit*. hlm.181..
46. Mohd Isa Othman,*op.cit*, hlm.90
47. *Ibid*, hlm.90.
48. *Ibid*, hlm.91.
49. *Ibid*, hlm.92.
50. Rujuk Mohd Kasri Saidon,“Darurat Di Tanah Melayu; Strategi Dan Kesan Terhadap Kedah” Tesis Sarjana Sastera , Universiti Sains Malaysia 2008, Bab 3.
51. *Ibid*.
52. Rujuk kupasan Mohd Isa Othman, *Pengalaman...* hlm.159.
53. *Ibid* ,hlm.160.
54. *Ibid*, hlm.161.
55. Rujuk kertas kerja Affifudin Omar, “ Pembangunan, Masalah-Masalah Semasa” tanpa tarikh.
56. Rujuk kertas kerja Wan Norzaila Wan Abdul Rahman “Peranan Mada Dalam Memajukan Taraf Sosio Ekonomi Masyarakat Petani”, latihan ilmiah Institut Perguruan Darulaman PSR/PM 1990.
57. *Ibid*.

58. Rujuk kertas kerja S.Jegatheesan dan Yoshinori Morooka “Direct Seeded Rice Production Under Adverse Conditions” tanpa tarikh.
59. Wan Norzaila Wan Abdul Rahman, *op.cit.*_hlm.9.
60. Rujuk kertas kerja Dr Affifudin Omar dan Ho Nai Kin “ Modern Development In Rice Cultivation “ tanpa tarikh.
61. Rujuk jadual “Keluasan, Tuaian dan Jumlah Pengeluaran Padi” dalam Wan Norzaila Wan Abdul Rahim, *op.cit.* hlm. 7.
62. Rujuk S. Jegatheesan dan Yoshinori Morooka,*op.cit.*
63. Rujuk kertas kerja “Proceeding Of The National Rice Conference” bertarikh 20-22 Januari 1986.
64. Lihat tulisan Ismail Hj. Salleh “Bulan Piama” dalam *Intisari Kebudayaan Melayu Kedah*, Alor Setar : Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, 1986.
65. *Ibid.*
66. *Ibid.*
67. Pecaman ini banyak dipraktikkan oleh para pesawah yang juga menjadi penoreh di kawasan Kubang Pasu utara, khususnya di Ason, Nongka hingga ke Changloon.
68. Rujuk tulisan Hj Mat Nayan Hj Saad “Adat Persawahan Di Negeri Kedah” dalam *Intisari Kebudayaan Melayu Kedah*, Alor Setar : Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, 1986.
69. *Ibid.*
70. *Ibid.*
71. Lihat tulisan Ismail Salleh “Halu Pulau” dalam *Tak Sesungguh Seluang Melaut* selenggaraan Mazizah Hj Mat Darus dan Zahidi Dato’Zainol Rashid, terbitan Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, 1999.
72. Kebanyakan kumpulan muzik tersebut tidak lagi aktif, Sri Irama Band yang diasaskan di Simpang Empat Kangkong telah tidak lagi aktif di akhir tahun 80an. Namun ada beberapa tempat yang terdapat kemunculan kembali Ghazal Parti.

Biodata Penulis

Mohd Kasri Saidon dilahirkan dalam tahun 1966 di Pulau Langkawi, Kedah. Mendapat didikan awal di Sekolah Kebangsaan Simpang Empat Alor Setar , menyambung pendidikan menengah di Kolej Sultan Abdul Hamid dan Sekolah Menengah Jitra. Pernah juga belajar disekolah swasta Akademi Jaya bagi membaiki kelulusan dalam peperiksaan awam. Kemudiannya melanjut pelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak. Mendapat Sarjana Muda Pendidikan dari Universiti Putra Malaysia dan Sarjana Sastera dari Universiti Sains Malaysia dalam pengkhukusan Sejarah Malaysia.

Aktif dalam Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah sebagai Ahli Jawatankuasa Induk. Juga berada dalam Biro Kaji Selidik dan Penerbitan persatuan tersebut. Penulis juga menyumbangkan beberapa penulisan yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah khususnya.

Berkhidmat sebagai guru di SMK Sanglang, aktif dalam pasukan beruniform dan menjadi Pegawai Latihan berpangkat Inspektor dalam Kor Kadet Polis, Kubang Pasu. Penulis pada masa sekarang sedang menyiapkan tesis beliau di peringkat Doktor Falsafah.